

SH-41 9/10

Air pasang besar: Limpahan air laut masih terkawal

KUALA SELANGOR – Limpahan air laut sepanjang tempoh fenomena air pasang besar yang melanda perairan pantai di daerah ini pada bulan ini, dilaporkan masih terkawal.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Kuala Selangor, Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor menjelaskan, meskipun ada berlaku limpahan air di kawasan Kampung Kuantan namun tidak serius.

“Kejadian banjir dilaporkan di kawasan Kampung Kuantan namun keadaan masih selamat dan terkawal memandangkan air laut surut dalam tempoh singkat. Semua agensi keselamatan turut buat pemantauan di kawasan terjejas namun tiada mangsa dipindahkan ke pusat pemindahan,” katanya.

Shamsul yang juga Pegawai Daerah Kuala Selangor berkata, lapan pusat pemindahan mangsa banjir dibenarkan ditutup di Dun Jeram, Permatang dan Tanjung Karang.

“Pusat pemindahan mangsa banjir dan Pusat Kawalan Operasi Bomba (PKOB) dibenarkan ditutup mulai hari ini dan agensi di peringkat daerah dimohon supaya bersedia di jabatan masing-masing saja.

“Bacaan air laut tertinggi dicatatkan pada Selasa dengan paras air sehingga 5.4 meter pada jam 8.04 pagi, jadi semua agensi keselamatan diminta bersedia bila-bila masa,” katanya.



Semua agensi keselamatan turut buat pemantauan di kawasan terjejas namun tiada mangsa dipindahkan.”

Shamsul Shahril Badliza

Lapan pusat pemindahan banjir yang dibuka sebelum ini adalah Masjid An Naim Tambak Jawa, Surau Hamidiah Sungai Sembilang, Dewan Orang Ramai Jeram, Dewan Orang Ramai Sungai Buloh.

Satu pusat penempatan bagi mukim Api-Api iaitu Dewan Orang Ramai Kampung Assam Jawa dan bagi mukim Ujong Permatang, pusat pemindahan di SJKC Khai Tee Pasir Penambang dan Masjid At Taqwa Sungai Yu. Manakala mukim Tanjung Karang, pusat pemindahan mangsa banjir di Institut Pengurusan Peladang (IPP) Sungai Kajang.